

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP
(SEKIJANG)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP [SEKIJANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja di bawah simpanan konvensional yang telah memilih untuk bertukar kepada simpanan Syariah sejak ia mula diperkenalkan pada bulan Ogos lalu.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak pendaftaran Simpanan Syariah dibuka pada 8 Ogos 2016, sebanyak 45.15% atau RM45.95 bilion daripada alokasi permulaan dana RM100 bilion telah digunakan dan sehingga 30 September 2016, sebanyak 435,384 pencarum telah mendaftar untuk Simpanan Syariah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP
SOALAN : NO. 104

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan usaha-usaha yang dijalankan Kementerian bagi menambah baik kemudahan jalur lebar dan rangkaian ICT di universiti awam termasuklah dengan tawaran harga dan kualiti terbaik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bermula Disember 2015, semua Universiti Awam (UA) telah dibekalkan dengan jalur lebar berkapasiti 1 Gigabit sesaat. Manakala Universiti Penyelidikan dibekalkan dengan jalur lebar berkapasiti 2 Gigabit sesaat. Senarai terperinci seperti dalam Maklumat Tambahan.

Berdasarkan Ucapan Bajet 2017 oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Kerajaan akan melancarkan inisiatif supaya perkhidmatan jalur lebar ethernet di UA ditingkatkan kepada maksimum 100 Gigabit sesaat. KPT akan melaksanakan inisiatif tersebut melalui penubuhan dan pembangunan konsortium prasarana yang mengaplikasikan penggunaan dark fiber.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BUKAN JAWAB LISAN**
DARIPADA : **DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH**
SOALAN : **NO. 105**

Dato' Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [Sekijang] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jaminan kementerian bagi memastikan masalah kewangan dalam kalangan pelajar tidak lagi berulang dan apakah usaha pihak Kementerian bagi memastikan masalah kelaparan pelajar seperti yang dilaporkan sebelum ini tidak lagi berulang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah-langkah proaktif yang diambil di Universiti Awam (UA) bagi menangani isu harga makanan adalah dengan memperkenalkan beberapa program bagi membantu pelajar yang memerlukan. Antara contoh program yang diperkenalkan adalah memperkenalkan menu bajet ('menu ihtimam' di USIM & Program Kongsi Rezeki: Cheap Meal 4U & Program Baucer Sinaran yang berbentuk tajaan makan tengah hari di UMP), *suspended meal* (UPM & UPSI), program kupon makanan (di UniSZA, UMK & *Mahabbah Food Programme* di UIAM) dan sebagainya. Selain daripada ini, program pengedaran makanan percuma oleh sukarelawan dan Pusat Islam UA (UTM KL) juga turut di adakan.